



PEKELILING NAIB CANSOLOR BIL.07/2020

PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL / BERSEMUKA PELAJAR IPT KEMASUKAN OKTOBER 2020

Para pelajar UPSI yang dikasihi,

Merujuk kepada kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal / Bersemuka Pelajar IPT Kemasukan Oktober 2020 bertarikh 2 Oktober 2020 dan situasi peningkatan penularan pandemik COVID-19 di seluruh Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSU) amat prihatin terhadap kesejahteraan seluruh pelajar dan warga universiti tercinta ini.

Sehubungan itu, UPSU telah memutuskan agar semua pelajar lama dan baharu (di semua peringkat pengajian) menangguhkan perjalanan pulang ke kampus sehingga ke suatu tarikh lain yang akan dimaklumkan kelak. Proses pendaftaran pelajar dan semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan dilaksanakan secara dalam talian.

Pelajar yang sudah berada di kampus, masih dibenarkan berada di kampus, namun perlu sentiasa mengambil langkah pencegahan bagi mengelak penularan wabak COVID-19

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Bilik Gerakan COVID-19 UPSU di talian 012 209 5200 (*helpline*) atau 015 4879 7838 (Pejabat).

Pihak UPSU mendoakan kesejahteraan seluruh pelajar serta warga kampus. Semoga kita semua dihindari dari wabak COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.

**Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris
02 Oktober 2020**